

KELAYAKAN SEBAGAI PEGUAM SYARIE

- (1) Mana-mana orang yang memenuhi syarat-syarat yang berikut adalah layak untuk menjadi seorang Peguam Syarie–
- (a) seorang yang beragama Islam;
 - (b) seorang warganegara Malaysia;
 - (c) seorang yang berkelakuan baik disokong melalui perakuan oleh dua orang pengadil (seorang daripadanya ialah majikan pemohon, jika ada);
 - (d) tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan oleh Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil di Malaysia atau di luar Malaysia;
 - (e) bukan seorang bankrap di bawah Akta Kebankrapan 1967 [Akta 360] atau tidak pernah didapati bersalah atas apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang dinyatakan di bawah seksyen 33 (6) (a), (b), (c), (e), (f), (h), (k) atau (l) Akta Kebankrapan 1967 [Akta 360];
 - (f) tidak pernah dipecat, hilang kelayakan atau digantung atas sifatnya sebagai Peguambela dan Peguamcara di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 [Akta 166];
 - (g) memiliki kelayakan akademik–
 - (i) Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Diploma Pentadbiran Kehakiman Islam atau yang setaraf dengannya dari mana-mana universiti atau institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia; atau

- (ii) Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Syariah) atau yang setaraf dengannya daripada mana-mana universiti atau institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia; atau
- (iii) sekiranya dia seorang Peguambela dan Peguamcara di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*] mestilah memiliki Diploma Pentadbiran Kehakiman Islam atau yang setaraf dengannya dari mana-mana universiti atau institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia;

(h) telah lulus ujian bertulis atau temuduga sekiranya difikirkan perlu.

(2) Sebelum pemohon diterima masuk sebagai Peguam Syarie di bawah subkaedah (1)(g)(i), pemohon hendaklah menjalani latihan dalam kamar selama enam bulan di mana-mana firma guaman Syarie.

(3) Latihan dalam kamar hendaklah diselia oleh seorang Peguam Syarie yang sedang dan telah menjalankan amalan secara aktif di Malaysia bagi tempoh tidak kurang daripada lima tahun sebelum sahaja latihannya bermula.